

PERSPEKTIF SOLAT SUNAT DHUHA DI KALANGAN PELAJAR KUIS

NADWA FARHANA LUBIS BINTI GANDEN LUBIS
nadwafarhana7@gmail.com

MOHD HASBIE AL-SHIDDIEQUE BIN HAMAD
alshiddieque@kuis.edu.my

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

ABSTRAK

Solat merupakan kewajipan dan syiar pertama dalam Islam kerana ia merupakan satu bentuk penghambaan diri kepada Allah s.w.t. Solat juga merupakan ibadat yang paling agung berbanding dengan ibadat-ibadat lain kerana Allah telah mewahyukan solat kepada Rasullullah s.a.w dengan cara yang istimewa iaitu ketika Nabi Muhammad s.a.w di mikrajkan. Begitu juga dengan amalan solat sunat yang diajarkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Allah s.w.t bersumpah dengan waktu Dhuha yang bermaksud “Demi waktu dhuha” menunjukkan bahawa susuatu hal yang agung dan besar kelebihannya. Kertas kerja ini membincangkan tentang perspektif solat sunat Dhuha di kalangan pelajar KUIS. Objektif utama adalah membincangkan kefahaman dan permasalahan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) berkaitan solat sunat dhuha. Selain itu, kertas kerja ini juga akan menganalisis berkaitan masalah pelajar dalam melaksanakan solat sunat dhuha. Manakala metod kajian adalah dengan menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan deskriptif dan frekuensi melalui aplikasi SPSS. Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan pelajar memahami konsep solat sunat dhuha. Akan tetapi, secara zahirnya para pelajar tidak mengetahui cara sebenar solat sunat dhuha yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad S.A.W.

Kata kunci: *Solat Sunat Dhuha, kefahaman solat Dhuha, mahasiswa KUIS*

1.0 PENGENALAN

Seorang mukmin yang sejati tidak akan pernah merasa puas apabila ia hanya berada pada tahap menghampirkan diri kepada Allah dengan jalan mengerjakan segala yang fardu sahaja, tetapi dia mahu mendaki ke maqam yang lebih tinggi lagi iaitu ke peringkat “maqam mahmudah” atau maqam yang terpuji dengan melaksanakan ibadah-ibadah tambahan, yang dalam hal ini ialah solat-solat sunat. Seorang mukmin yang sudah kuat jiwa dan kemahuannya, tidak akan merasa keberatan untuk melakukan solat-solat sunat disamping solat-solat yang difardukan ke atasnya. Malah mereka berasa gembira dan mendapat ketenangan jiwa dengan mengabdikan diri kepada Allah swt semata-mata.

Solat Sunat Dhuha ialah solat sunat yang dikerjakan pada waktu matahari sedang naik atau pada waktu dhuha. Dinamakan dengan Solat Dhuha kerana anjuran perlaksanaannya pada waktu dhuha yang lazimnya mengikut hitungan jam iaitu kira-kira setengah jam selepas waktu syuruk. Hukum Solat Sunat Dhuha ini adalah sunat *muakkad*. Oleh itu, sesiapa yang inginkan pahalanya, maka kerjakanlah Solat Sunat Dhuha ini seberapa banyak yang mampu dikerjakan, dan sekiranya tidak menginginkan pahalanya, ia boleh ditinggalkan tanpa dosa dan tiada halangan sama sekali. (Ustaz Johari Yaman, 2003)

Istilah dhuha dapat ditemukan di beberapa tempat dalam al-Quran, antaranya dalam surah Thaha : 59, AI-A'raf : 98, dan An-Nazi'at : 46. Perkataan 'duhu' diertikan sebagai 'pagi hari' atau sebagai 'panas sinar matahari', di tempat lainnya dalam surah Thaha:119. Istilah dhuha juga mencakupi kedua-dua makna itu sehingga diertikan 'sinar matahari di pagi hari' (as-Syams:1). Pada tempat lain (an-Nazi'at : 29), kata 'duhu' diertikan sebagai 'siang yang terang'.

Pada awal surah Ad-Dhuha Allah berfirman "Demi waktu dhuha". Imam Ar-Razi menerangkan bahawa jika Allah SWT bersumpah dengan setiap sesuatu, itu menunjukkan hal yang agung dan besar kelebihannya. Ini bermaksud dhuha adalah waktu yang sangat penting. Terdapat banyak riwayat yang membahaskan tentang sebab-sebab turunnya surah dhuha ini.

Ustaz Abd Aziz Harjin (2013) , mengatakan bahawa dalam suatu riwayat ada dikemukakan bahawa Rasulullah berasa kurang sihat sehingga Baginda tidak dapat bangun untuk solat malam selama semalam atau dua malam. Kemudian datanglah seorang wanita yang berkata: "Hai Muhammad aku melihat syaitanmu (maksud syaitan di sini ialah Jibril) telah meninggalkan engkau." Maka Allah menurunkan ayat ini (Surah Dhuha ayat 1-3) yang menjelaskan bahawa Allah tidak akan membiarkan Muhammad dan tidak membencinya. (Diriwayatkan oleh as Syaikhani dan perawi lain dari Jundub)

Maka, apabila turunnya ayat-ayat ini Rasulullah S.A.W berasa gembira dan terus melaksanakan Solat Dhuha. Munculnya Solat Sunat Dhuha ini atas sumpah Allah S.W.T sebagai tanda betapa penting dan besarnya impak serta banyaknya manfaat mengerjakannya.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang mana soal selidik dijadikan sebagai satu instrument kajian. Kajian ini juga berbentuk kajian deskriptif untuk mengenalpasti persepsi respond terhadap pengajian al-Quran secara bersanad. Menurut Alias Baba (1996) kajian deskriptif amat sesuai bagi menghuraikan data yang diperoleh daripada sempel kajian. Pengkiraan frekuansi, ukuran kecenderungan tengah (min, mod, media) dan ukuran kebolehubahan (julat, varians, sisihan paitai) bersertakan dengan graf, carta, dan jadual diaplikasikan di dalam kajian deskriptif supaya mudah difahami (Chua Yan Piaw; 2005). Kaedah deskriptif adalah bertujuan untuk mengenalpasti persepsi responden dan menjadi satu panduan dalam kajian (Julie Pallant; 2001).

2.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan. Borang soal selidik telah digunakan sebagai alat pengumpulan data. Analisis data dilakukan secara statistik deskriptif dan inferensi serta dipersembahkan dalam bentuk peratusan, kekerapan, min (Salasiah Hanin Hamjah, 2012). Menurut Kerlinger (1973) soal selidik adalah merupakan salah satu cara untuk mendapatkan jawapan kepada soalan penyelidikan. Babbie (2001) pula

berpendapat soal selidik boleh merangkumi bidang yang luas dan boleh dirangka dengan mudah tanpa kehadiran penyelidik. Situasi ini memberi ruang yang agak selesa, tenang dan telus kepada responden untuk menjawab soalan.

2.2 Pemilihan Sampel

Kaedah persampelan yang digunakan bagi memilih sampel dalam kajian ini adalah kaedah persampelan secara rawak. Kaedah ini digunakan bagi memastikan setiap ahli mempunyai peluang yang sama bagi mewakili populasi dalam kajian ini (Ary et al. 1996). Melalui kaedah ini juga pengkaji berupaya melakukan inferens secara statistik daripada sampel kepada populasi kajian (Berenson & Levine 1992). Secara umumnya, kajian ini akan dikumpulkan dengan menggunakan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif. Instrumen yang dibentuk bagi mengumpulkan data yang diperlukan ialah melalui pengedaran soal selidik yang telah dibina oleh pengkaji.

2.3 Pengumpulan Data

Menurut Shaharuddin Saad (2016), set soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A: Latar belakang responden seperti umur, taraf pendidikan, jantina atau bangsa dan bahagian B: Maklumat tentang Kefahaman dan Amalan Solat Sunat Dhuha menurut perspektif As-Sunnah. Seterusnya, bahagian C pula masalah pelajar yang berkaitan dengan Solat Sunat Dhuha. Kaedah ini dipilih disebabkan ia mudah dikendalikan dan dianalisis. Skala Likert digunakan untuk menjalankan soal selidik ini. Bagi setiap pernyataan, responden diberi lima pilihan jawapan. Responden mendapat nilai mata tertinggi jika sangat setuju dengan pernyataan (Mazlyana Buhari 2011). Tanggapan responden dalam bahagian ini diukur dengan menggunakan Skala Likert terdiri dari lima peringkat seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.0.

Jadual 1.0 Skala Likert Mengukur Kefahaman dan Amalan Solat Sunat Dhuha

Justifikasi	Singkatan	Skala
Sangat Tidak Setuju	STF	1
Tidak Setuju	TS	2
Tidak Pasti	TP	3
Setuju	S	4
Sangat Setuju	SS	5

Sumber : Mazlyana Buhari 2011

2.4 Penganalisisan Data

Selanjutkan data-data kuantitatif akan dianalisis secara deskriptif yang bertujuan untuk menyokong serta menghurai data yang diperolehi daripada maklum balas soal selidik. dengan menggunakan perisian Statistical Packages For Social Science (SPSS). Penggunaan sistem SPSS masa kini bertujuan bagi mempercepatkan proses pengiraan berbanding kaedah manual (Mohamad Fuad Ishak dan Mohd Izzuddin 2015).

2.5 Pemilihan Kawasan Kajian

Pengkaji telah memilih mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor sebagai tempat kajian kerana mempunyai program islami yang banyak dan data yang mampu menjawab persoalan kajian serta tujuan kajian. Neuman (2006), Marohaini Yusof (2004) dan Sidek Mohd. Noah (2002) mencadangkan empat faktor untuk ditimbangkan dalam pemilihan tapak atau lokasi kajian; kaya dengan data, unfamiliarity, sesuai dan mempunyai rangkaian sosial yang baik. Populasi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar semester 6, 7 dan 8 dari fakulti peradaban dan pengajian Islam.

3.0 DAPATAN KAJIAN

Analisis deskriptif digunakan untuk mengenalpasti demografi variable (demographical variable). Hal ini dapat membantu penyelidik dalam menganalpasti frekuensi, peratusan, min, sisihan piawaian dan taburan skor responden dalam setiap responden (Julie Pallant; 2001). Disamping menanalisis data dengan cara yang senang difahami (Alias Baba; 2007). Sebagai contoh, frekuansi jantina, frekuansi umur, frekuansi tahap pendidikan, dan sebagainya.

3.1 Bahagian A Demografi Responden

Pada bahagian A, penyelidik akan menghuraikan dan membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan latar belakang responden. Penganalisisan data pada bahagian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran umum mengenai latar belakang responden. Jumlah keseluruhan responden adalah sebanyak 50 orang pelajar.

Merujuk kepada jantina bagi setiap responden. Responden lelaki didapati berjumlah 18 orang yang mewakili 36% daripada 50 orang responden. Manakala responden wanita pula seramai 32 orang yang mewakili 64% daripada jumlah keseluruhan responden. Ini menunjukkan jumlah jantina perempuan melebihi lelaki iaitu seramai 14 orang.

Status bagi responden yang menjawab soal selidik pula terbahagi kepada dua iaitu bujang dan yang sudah berkahwin. Terdapat seramai 44 orang bujang bersamaan 88% yang menjawab soal selidik dan hanya 6 orang responden yang telah berkahwin sahaja yang menjawab soal selidik yang diedarkan iaitu bersamaan 12%. Majoriti penjawab soal selidik kajian ini adalah responden yang berstatus bujang. Ini menunjukkan terdapat jurang perbezaan yang agak ketara antara responden bujang dan yang telah berkahwin.

Kemudian, merujuk kepada jabatan bagi responden yang menjawab soal selidik kajian ini. Responden dari jabatan Usuluddin dan Multimedia adalah seramai 11 orang bersamaan 22%. Responden dari jabatan Syariah dan Undang-Undang pula seramai 9 orang bersamaan 18% sahaja. Manakala responden dari jabatan Dakwah dan Sumber Insan seramai 10 orang bersamaan 20% dan 20 orang responden dari jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah didapati peratusannya adalah 40%. Carta di atas menunjukkan bahawa responden paling ramai yang menjawab soal selidik adalah dari jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah iaitu seramai 20 orang responden. Manakala responden paling sedikit menjawab soal selidik adalah dari jabatan Syariah dan Undang-Undang pula seramai 9 orang sahaja.

Seterusnya, merujuk kepada lingkungan umur responden yang menjawab soal selidik kajian ini. Didapati tiada responden yang menjawab soal selidik kajian yang berumur dari 18 hingga 20 tahun. Terdapat seramai 27 orang responden yang berumur 21 hingga 23 tahun iaitu bersamaan

54% yang menjawab soal selidik dari kajian ini. Selain itu, responden yang berumur 24 hingga 26 tahun pula menjawab soal selidik dari kajian ini sebanyak 42% iaitu bersamman 21 orang. Manakala hanya 2 orang responden yang berumur 27 tahun ke atas yang menjawab soal selidik dari kajian ini iaitu bersamaan 4% sahaja. Ini menunjukkan majoriti responden yang menjawab soal selidik adalah yang berumur 21 hingga 23 tahun.

Analisis bagi tahap pendidikan responden yang menjawab soal selidik pula terdiri daripada pelajar diploma dan ijazah sarjana muda. Didapati tiada responden di tahap diploma yang menjawab soal selidik dari kajian ini. Ini menunjukkan keseluruhan responden iaitu seramai 50 orang di tahap ijazah sarjana muda yang menjawab soal selidik mewakili 100% responden yang terlibat.

3.2 Bahagian B Tahap Kefahaman Pelajar Mengenai Konsep Solat Sunat Dhuha

Manakala bahagian B, penyelidik akan menghuraikan dan membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan Tahap kefahaman pelajar mengenai Konsep Solat Sunat Dhuha. Penganalisaan data pada bahagian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran umum mengenai kefahaman responden. Jumlah keseluruhan responden adalah sebanyak 50 orang pelajar.

Berdasar soalan dari soal selidik yang dijawab oleh responden. Soalan pertama adalah mengenai kefahaman responden terhadap item solat dhuha merupakan satu amalan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Hanya seorang responden sahaja yang tidak setuju dan tidak pasti mengenai item bersamaan 2%. Manakala seramai 5 orang bersetuju dengan item tersebut yang bersamaan dengan 10%. Kemudian 43 orang responden sangat setuju dengan item solat dhuha merupakan satu amalan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W. yang mewakili 86%.

Seterusnya, soalan yang kedua pula kefahaman responden mengenai solat dhuha merupakan amalan yang mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Berdasarkan peratus, terdapat responden yang sangat tidak setuju, tidak setuju dan tidak pasti tidak ada bagi item ini. Responden yang bersetuju dengan item ini adalah seramai 7 orang bersamaan 14%. Kemudian, seramai 43 orang responden mewakili 86% sangat bersetuju bahawa solat dhuha merupakan amalan yang mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.

Soalan seterusnya pernyataan mengenai item solat dhuha adalah salah satu amalan yang menjamin rezeki dari Allah S.W.T. Ini menunjukkan bahawa tidak ada responden yang sangat tidak setuju, tidak bersetuju dan tidak pasti dengan kenyataan tersebut. Kemudian, responden yang memilih skala setuju adalah seramai 9 orang yang mewakili 18%. Manakala jumlah yang paling ramai adalah responden yang sangat bersetuju dengan item yang dinyatakan adalah sebanyak 41 orang iaitu bersamaan dengan 82%.

Kemudian, mengenai peratusan responden mengetahui kaedah bacaan mengenai Solat Sunat Dhuha. Jadual menunjukkan bahawa tidak ada responden yang sangat tidak setuju dan tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Kemudian responden yang memilih skala tidak pasti adalah seramai 5 orang yang mewakili 10%. Seterusnya, responden yang bersetuju dengan kenyataan tersebut adalah seramai 20 orang bersamaan 40%. Manakala, paling ramai responden yang sangat bersetuju dengan kenyataan itu adalah seramai 25 orang mewakili 50%.

Kefahaman responden terhadap soalan mengenai maksud Surah Ad-Dhuha pula tidak terdapat pada skala sangat tidak setuju dan tidak setuju. Minoriti tidak pasti dengan item yang diberikan iaitu seramai 10 orang bersamaan dengan 20%. Kemudian responden yang majoriti setuju dengan item tersebut adalah sebanyak 23 orang mewakili 46%. Manakala responden yang sangat setuju dengan item ini adalah berjumlah 17 orang bersamaan dengan 34%.

3.3 Bahagian C Masalah Pelajar berkaitan Solat Sunat Dhuha

Bahagian C, penyelidik akan menghuraikan dan membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan masalah pelajar berkaitan Konsep Solat Sunat Dhuha. Penganalisisan data pada bahagian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran umum mengenai kefahaman responden. Jumlah keseluruhan responden adalah sebanyak 50 orang pelajar.

Pada awal soalan, pengkaji telah menyatakan soalan mengenai masalah responden yang tidak mengetahui maksud solat sunat dhuha. Terdapat hanya 10 orang bersamaan 20% responden sahaja yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Kemudian, didapati paling ramai responden yang menjawab tidak bersetuju dengan kenyataan seramai 17 orang mewakili 34%. Seterusnya, seramai 15 orang responden bersamaan 30% yang tidak pasti maksud solat solat sunat dhuha. Selain itu, pelajar yang setuju dengan pernyataan adalah seramai 6 orang bersamaan 12% dan hanya 2 orang responden mewakili 4% yang sangat bersetuju.

Seterusnya, peratusan mengenai soalan berkaitan masalah responden terhadap ulama' berselisih pendapat berkaitan jumlah rakaat solat sunat dhuha yang dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Jadual menunjukkan tiada responden yang sangat tidak bersetuju dengan pernyataan. Kemudian, terdapat hanya 3 orang responden bersamaan 6% yang tidak bersetuju. Responden paling ramai tidak bersetuju item mengenai ulama' berselisih pendapat berkaitan jumlah rakaat solat sunat dhuha yang dilakukan oleh Nabi Muhammad S.A.W iaitu seramai 33 orang mewakili 66%. Selain itu, pada skala setuju pula terdapat 12 responden bersamaan 24% dan hanya 2 orang responden mewakili 4% yang sangat bersetuju dengan pernyataan.

Peratusan mengenai item ulama' berselisih pandangan berkaitan waktu solat sunat dhuha pula mempunyai jumlah yang sama bagi skala sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju iaitu responden hanya 2 orang bersamaan 4% sahaja. Selain itu, responden paling ramai tidak pasti dengan kenyataan iaitu seramai 31 orang mewakili 62%. Responden yang bersetuju pula seramai 10 orang bersamaan 20% dan terdapat 5 orang responden bersamaan 10% yang sangat bersetuju bahawa ulama' berselisih pandangan berkaitan waktu solat sunat dhuha.

Mengenai masalah berkaitan soalan responden tidak mengetahui ganjaran yang dijanjikan oleh Allah S.W.T kepada pengamal solat sunat dhuha pula terdapat skala yang mempunyai jumlah responden yang sama iaitu sangat tidak bersetuju dan tidak pasti seramai 8 orang responden bersamaan 16% sahaja. Kemudian, responden ramai yang tidak bersetuju mengenai item tidak mengetahui ganjaran yang dijanjikan oleh Allah S.W.T kepada pengamal solat sunat dhuha iaitu seramai 25 orang mewakili 50% dari responden yang menjawab soal selidik kajian ini. Ini menunjukkan kebanyakan responden mengetahui ganjaran yang dijanjikan oleh Allah S.W.T kepada pengamal solat sunat dhuha. Seterusnya, hanya 6 orang responden sahaja bersamaan 12% yang bersetuju dengan kenyataan ini. Manakala, jumlah responden paling sedikit adalah pada skala sangat bersetuju iaitu 3 orang sahaja bersamaan 6%.

Akhir sekali, soalan yang dibina untuk responden jawab mengenai masalah responden tidak mengetahui cara sebenar Nabi Muhammad s.a.w melaksanakan solat sunat dhuha. Terdapat dua skala yang mempunyai jumlah responden dan peratus yang sama iaitu pada skala sangat tidak bersetuju dan sangat bersetuju yakni hanya seorang responden bersamaan 2% sahaja. Kemudian, terdapat seramai 16 orang responden bersamaan 32% yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Paling ramai responden tidak pasti cara sebenar Nabi Muhammad S.A.W melaksanakan solat sunat dhuha iaitu seramai 23 orang mewakili 46%. Manakala, searamai 9 orang bersamaan 18% responden bersetuju dengan pernyataan.

4.0 KESIMPULAN

Selepas menjalankan kajian soal selidik keatas pelajar degree dari Fakulti Peradaban dan Pengajian Islam semester 6, 7 dan 8 di KUIS, penyelidik mendapati para pelajar memahami apa yang dimaksudkan dengan konsep solat sunat dhuha menurut perspektif Al-Sunnah. Namun, para pelajar memahami dari sudut istilah sahaja, dan tidak memahami konsep sebenar solat sunat dhuha dengan lebih mendalam.

Kemudian, para pelajar majoriti memahami dan mengetahui intipati-intipati yang berkaitan dengan solat sunat dhuha. Akan tetapi, ada juga segelintir pelajar yang tidak mengetahui maksud solat sunat dhuha dan asbab surah ini diturunkan. Faktor utama para pelajar yang kurang mengetahui maksud solat sunat dhuha dan asbab surah ini diturunkan kerana mereka tidak menghayati kelebihan surah tersebut diturunkan.

Dari sudut amalan harian para pelajar, penyelidik mendapati kebanyakkan daripada mereka menjadikan solat sunat dhuha ini sebagai salah satu dari amalan harian mereka. Akan tetapi, secara zahirnya para pelajar tidak tahu cara sebenar solat sunat dhuha yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Oleh kerana itu, mereka tetap mengerjakan solat sunat dhuha ini kerana menyedari terdapat banyak kelebihan yang ada dalam hadith dan yang telah Allah janjikan kepada manusia yang sentiasa melaksanakannya.

RUJUKAN

- Alias baba. (2007). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan social sains*. Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aniesma Niza. 2007. *Amalan Solat Sunat Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir SPI. Satu Kajian Di UniversitiTeknologi Malaysia*. 7-8.
- Chua Yan Piaw. (2005). *Asas Statistik Penyelidikan*. Buku 2. Malaysia; McGraw Hill Education.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Buku 1. Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua. Malaysia; McGraw Hill Education.
- Johari Yaman. 2010. *Bimbingan, Penghayatan dan Kesempurnaan Solat*. Rawang: Nadi Minda Resources.
- Mazlyana Buhari. 2011. *Hubungan Antara Tahap Keberkesanan Pendidikan Islam Dengan Personaliti Islamik Pelajar*. 3: 21.
- Salasiah Hanin. 2012. *Perkaitan Amalan Spiritual Dengan Pencapaian Akademik Pelajar*. 4, 58.
- Sayyid Sabiq. 2009. *Solat-Solat Sunat Rasulullah SAW*. Seri Kembangan: Al-Hidayah Publications.